

Newspaper	Berita Harian
Date	26/4/2013



Dr Mahathir **bersalaman dengan orang ramai** pada Majlis Bersama Negarawan Ulung di Dataran Kuala Nerang, semalam.

BH-26/4/2013

[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]

DAP, PKR tolak negara Islam Hadi

» **Matlamat parti satu pembohongan besar: Dr Mahathir**

Oleh Nahar Tajri dan Norliza Wasilan
bhnews@mediaprima.com.my

▣ Kuala Nerang

Matlamat PAS untuk menubuhkan negara Islam adalah satu pembohongan besar kerana tidak akan mendapat sokongan daripada sekutu politik mereka, PKR dan DAP walaupun

menang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata untuk membolehkan penubuhan negara Islam ala PAS, mereka memerlukan majoriti dua pertiga kerusi Parlimen, namun ia tidak akan diperoleh dengan mudah kerana PAS hanya bertanding di 76 kerusi.

Katanya, jika menang semua kerusi berkenaan pun PAS akan menghadapi tentangan PKR dan DAP yang sebelum ini secara jelas menolak model negara Islam PAS.

"Mereka ini berbohong dan orang bohong ini tidak layak bentuk kerajaan. Mereka se-

dar tidak akan mendapat majoriti dan tidak akan mendapat sokongan daripada rakan mereka untuk bentuk negara Islam ala PAS ini.

BN tak pernah tolak

"DAP terutamanya beberapa kali menentang PAS dalam hal ini. Lim Kit Siang ini juga tidak sokong tapi dia duduk diam saja kerana nak sembunyi dan yang cakap hanya Karpal Singh hingga sanggup buat kenyataan keras.

"Saya sudah tegaskan dulu bahawa Malaysia adalah negara Islam dan bagi kita UMNO, rakan dalam Barisan Nasional (BN) tidak pernah menolak perkara ini... mereka

tidak pertikai soal ini," katanya selepas majlis mesra rakyat calon PRU di Parlimen Padang Terap, di sini, semalam.

Dr Mahathir selain itu, menampelak pimpinan pakatan pembangkang yang memintanya supaya berdiam diri dan tidak mengganggu urusan politik dalam PRU kali ini dengan menyifatkan mereka sebagai tidak demokratik.

"Mereka hanya cakap kebebasan bersuara, tapi mereka tidak buat... kalau sudah bebas biarlah siapa pun nak cakap, orang tua pun tak apalah. Mereka belum perintah lagi dah nak tutup mulut orang... saya tak tahu apa akan jadi kalau mereka perintah nanti," katanya.

Perjuangan sia-sia

Di Jeli, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata PAS seharusnya sedar yang parti itu tidak akan mencapai kata sepakat dengan DAP dan PKR dalam isu itu dan perjuangannya adalah sia-sia.

"Sampai bila-bila pun berlaku pertelagahan, sebab itu (adalah) pakatan tiruan, rapuh dan tidak tahan lama. Di Kelantan mereka jual (cakap) hudud tetapi bila dengan mereka (rakan pakatan), hanya bercakap mengenai perkara kebajikan," katanya ketika melakukan lawatan rumah ke rumah di Kampung Pasir Dusun, di sini, semalam.

Mustapa yang juga calon Parlimen Jeli dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Lanas berkata, perkara itu bukan baru memandangkan ia kerap kali diperdebatkan dari semasa ke semasa.

Mengenai 23 janji Kerajaan PAS Kelantan jika memperoleh wang royalti petroleum, Mustapa berkata, parti itu sengaja mengkhayalkan rakyat dengan pelbagai janji baru terutama ketika PRU-13.

"Jangan khayalkan rakyat dengan janji bukan-bukan," katanya.

